SAMPEL PERCUMA

Skema Jawapan Trial STPM Bahasa Melayu Semester 3

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 3 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

22

Penulis memaparkan keindahan sesebuah kawasan pelancongan.

(a) Apakah retorik yang paling sesuai digunakan oleh penulis itu ?

.....[1]

Malaysia mempunyai banyak tempat yang indah, menarik, dan bersejarah untuk dikunjungi oleh para pelancong. Para pelancong pasti akan tertawan oleh keindahan pantai, kehijauan alam sekitar, dan tempat bersejarah yang terdapat di negara ini. Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, dan Pulau Tioman antara pulau yang indah di negara ini. Dengan adanya pulau yang cantik dan bangunan atau tempat bersejarah itu, sudah pasti Malaysia akan menjadi pilihan utama pelancong serata dunia.

(b) Nyatakan dua ciri retorik yang terdapat dalam petikan

(i).....[1]

(ii).....[1]

Skema jawapan

(a) Retorik pemerian [1]

(b) (i) Mempunyai usul yang jelas dan hujah yang bernas [1]
(ii) Memerlukan khalayak bersetuju dan yakin dengan pendapat yang dikemukakan [1]
(iii) Menggunakan bahasa yang jelas, berkesan, dan menarik [1]
(iv) Menggunakan teknik penyampaian idea secara induksi dan analogi [1]

Catatan:
Pilih mana-mana dua daripada jawapan di atas.

Jumlah markah: 3 markah

23 (a) Jelaskan konsep teknik *deduksi*. [1]

.....

.....

(b) Bina satu wacana yang bertemakan *banjir kilat* dengan menggunakan teknik deduksi. Panjang wacana mestilah **tidak** melebihi 40 patah perkataan. [3]

.....

.....

Skema jawapan

(a) Teknik deduksi bermaksud penyampaian idea yang dimulakan dengan pernyataan umum dan diakhiri oleh pernyataan khusus [1]/ Pernyataan umum diakhiri oleh pernyataan khusus [1]

(b) Kebelakangan ini, banjir kilat kerap berlaku di negara kita.(PU) Keadaan ini terjadi akibat kepesatan proses pembandaran.(PK) Banyak anak sungai telah ditimbus untuk dijadikan tapak pembangunan.(PK) Apabila hujan lebat, laluan air di kawasan tersebut akan tersekat menyebabkan banjir kilat ini berlaku.(PK) *(40 patah perkataan)*

Catatan:

(i) Ayat pernyataan umum [1]

(ii) Ayat pernyataan khusus [1]

(iii) Kohesi dan koheren [1]

Jumlah markah: 4 markah

24

Variasi bahasa P	*Variasi bahasa Q*
Ah Kam selupa adik sama saya. Itu olang punya anak selupa anak saya juga.	Ampun tuanku, sewaktu duli tuanku bersiram itu tadi, patik menghiris sayur lalu terhirislah hujung jari patik.

Apakah variasi bahasa *P* dan *Q*

(a) P:.....[1]

(b) Q:.....[1]

Skema jawapan

(a) P : Bahasa pasar [1]

(b) Q : Bahasa istana [1]

Jumlah markah: 2 markah

25

Adik : Abang, kau dah main *game* baru tu belum?

Abang : *Game* apa tu? Aku tak sempat tengok lagi.

Adik : Ala, yang semua orang dok cakap tu, "*Legend of the Dragon*". *Best* gila bang!

Abang : Oh, yang tu! Grafik dia *power*. Aku baru *level* 5. Mampus nak kalahkan bos *level* 5 tu.

Adik : Biasalah. Ko kena *try* banyak kali. *Upgrade weapon* kau dulu.

Apakah ciri-ciri variasi bahasa yang terdapat dalam petikan di atas?

(a).....[1]

(b).....[1]

Skema jawapan

(a) Tidak mementingkan ketepatan tatabahasa
(b) Wujud percampuran kod dan pengaruh dialek daerah
(c) Kata ganti nama diri dan panggilan kekeluargaan bersifat umum
(d) Terdapat penggunaan bahasa kasar
(e) Berlaku pengguguran imbuhan
(f) Wujud unsur kependekan kata
(g) Terdapat kosa kata yang tidak baku

Catatan:
Pilih mana-mana dua daripada jawapan di atas.

Jumlah markah: 2 markah

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 3 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar